

# UMS ambil langkah berani

► *Tanam pokok kapur paji sebagai usaha pemuliharaan alam semulajadi*

UB 19.4.2013 A15  
Oleh **S.CONNIE PEARL SUIL**  
conypearl09@gmail.com

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengambil langkah menanam pokok kapur paji bagi usaha pemuliharaan alam semulajadi.

Naib Canselor, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata usaha itu adalah satu langkah berani bagi Sekolah Pertanian Tropika Antarabangsa (SPTA) UMS yang telah menjadikan tumbuhan itu sebagai pokok rasmi dalam kempen menjaga alam sekitar.

“Pokok kapur adalah pokok yang membentuk komuniti pokok-pokok hutan hujan tropika yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi negeri Sabah pada awal tahun 80-an yang ketika itu Sabah mengeksport kayu balak sebagai bahan binaan ke negara Jepun dan Eropah.

“Namun kini, pokok kapur ini semakin berkurangan dan atas kesedaran akan kepentingan pokok dalam nilai ekonomi serta fungsi ekosistem telah mendorong pihak SPTA untuk melaksanakan usaha ini,” katanya dalam ucapan perasmianya sempena Hari Perhutanan Sedunia 2013, di sini kelmarin.

Teks ucapannya disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS, Prof Dr Shahril Yusof.

Selain itu katanya, selaras dengan hasrat kerajaan mengurangkan karbon sehingga 40 peratus setahun menjelang 2020, SPTA

“Pokok kapur adalah pokok yang membentuk komuniti pokok-pokok hutan hujan tropika yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi negeri Sabah pada awal tahun 80-an yang ketika itu Sabah mengeksport kayu balak sebagai bahan binaan ke negara Jepun dan Eropah. Namun kini, pokok kapur ini semakin berkurangan dan atas kesedaran akan kepentingan pokok dalam nilai ekonomi serta fungsi ekosistem telah mendorong pihak SPTA untuk melaksanakan usaha ini.”

**PROF DATUK DR MOHD HARUN ABDULLAH**  
Naib Canselor UMS



**SHAHRIIL menyiram pokok selepas acara penanaman. Turut kelihatan Normah (kanan).**

turut melaksanakan aktiviti penstockan dan penyerapan karbon di UMS melalui penanaman pokok sejak tahun 2006.

Harun berkata, usaha itu turut dilakukan dengan mewajibkan seluruh pelajar tahun pertama sejak tahun lalu dengan menanam ‘pokok

angkat’ bagi memastikan kelestarian alam semulajadi berterusan.

“Hari perhutanan Sedunia juga kini menjangkau kepada kepentingan Kawasan Hijau di Perbandaran atau ‘Urban Forest’.

“Justeru, hampir 60 peratus kegunaan tanah

adalah kawasan hijau yang terdiri dari tanaman landskap dan hutan semulajadi, dan ini menjadikan proses karbon dapat dilakukan secara semulajadi,” katanya.

Turut hadir, Dekan SPTA, Dr Normah Awang Besar @ Raffie dan tetamu kehormat yang lain.